



LAPORAN TAHUNAN 2014

YAYASAN WAQAF MALAYSIA



Wakaf, I Pelaburan Abadi

SIDANG REDAKSI



Pengerusi

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang/Penyunting

Eksekutif Kanan Bahagian Pemasaran dan Penyelarasaran

Penolong Penyunting

Eksekutif Bahagian Pemasaran dan Penyelarasaran

Fotografi

Koleksi YWM

Penyumbang Maklumat

Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf

Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan

Bahagian Pemasaran dan Penyelarasaran

Bahagian Kewangan dan Korporat

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Urus Setia Penerbitan

Pengurus Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf

Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan

Penolong Pengurus Bahagian Kewangan dan Korporat

Eksekutif Kanan Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan

Eksekutif Kanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf

Eksekutif Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan

Eksekutif Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Susun Atur

Pegawai Bahagian Pemasaran dan Penyelarasaran



Yayasan Waqaf Malaysia

LAPORAN TAHUNAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA 2014

Cetakan Mei 2016

Hak Cipta Terpelihara
Yayasan Waqaf Malaysia, 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
YAYASAN WAQAF MALAYSIA
No. 13, Jalan Diplomatik 2/2,
Presint Diplomatik Putrajaya,
62050 Putrajaya.

Tel : [603] 8890 4071/72/73
Faks : [603] 8890 1010/2091

25
25
25
25
25
25
25
25

- IV PERUTUSAN**
2 MAKLUMAT ORGANISASI
16 LAPORAN OPERASI
46 PENYATA KEWANGAN
80 KERATAN AKHBAR 2014



Perutusan

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PENGERUSI YWM

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan perkenanNya, Yayasan Waqaf Malaysia [YWM] sekali lagi telah berjaya meneruskan tradisi menerbitkan Laporan Tahunan YWM bagi tahun 2014.

Laporan Tahunan merupakan kayu pengukur dalam menilai pencapaian YWM secara keseluruhan. Selain itu, program dan projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 turut dirakamkan dalam naskah ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga YWM kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan setiap program yang direncanakan sepanjang tahun 2014. Kejayaan-kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dari semua warga YWM. Rasa tanggungjawab dan cintakan kerjaya perlu sentiasa disemai dalam diri supaya setiap aktiviti yang dirancang dapat direalisasikan sebaik mungkin. Saya juga menyeru supaya setiap warga YWM sentiasa memiliki inspirasi yang tinggi untuk terus mengukir kejayaan.

Sebagai agensi wakaf di peringkat kebangsaan, saya mengharapkan agar YWM terus memainkan peranan sewajarnya, berganding bahu bersama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji [JAWHAR] dan Majlis Agama Islam Negeri [MAIN] demi memastikan pembangunan hartaan wakaf yang efisien di Malaysia. Ini selaras dengan visi YWM untuk menjadi sebuah organisasi terunggul dalam memperkasakan agenda ummah melalui pemantapan instrumen wakaf.

Harapan saya agar YWM terus cemerlang dan dalam masa yang sama perlu memperbaiki setiap kelemahan supaya kita tidak alpa dengan kejayaan-kejayaan yan diperoleh. Akhir kata, saya mengucapkan jutaan tahniah kepada seluruh warga kerja YWM yang telah memberikan komitmentinggi dan perkhidmatan terbaik bagi mencapai kecemerlangan organisasi. Semoga usaha-usaha murni dalam memartabatkan syiar Islam ini dapat keberkatan dan kerahmatan dari Allah ﷺ.

Sekian, wassalam.

MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)

Sekapur Sirih

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YWM

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah ﷺ kerana dengan limpah inayahNya juga maka dapat lagi kita meneruskan penerbitan Laporan Tahunan YWM 2014 dengan jayanya seperti mana yang telah direncanakan.



Saya selaku Ketua Pegawai Eksekutif YWM merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja YWM di atas sumbangan idea serta komitmen yang jitu dalam menghasilkan Laporan Tahunan YWM 2014 yang merupakan Laporan Tahunan kedua yang dikeluarkan oleh YWM.

Sebagaimana yang sedia maklum, wakaf merupakan suatu amal soleh yang mana pahalanya akan diberikan secara berterusan oleh Allah SWT kepada pewakaf selagi mana harta yang diwakafkan itu kekal dan dimanfaatkan oleh orang ramai. Peranan pembangunan wakaf amat penting terhadap umat Islam bagi meningkatkan sosio-ekonomi ke tahap lebih baik. Justeru itu, YWM akan terus berusaha agar pengurusan wakaf akan diperkuatkan bagi memastikan perkembangan ekonomi Islam selaras dengan perkembangan yang dilakukan ketika ini.

Semoga dengan kesedaran dan kerjasama semua pihak, harta wakaf dapat dibangunkan dan dikembangkan sebagaimana yang dipraktikkan di zaman Rasulullah ﷺ dan para sahabat. Begitu juga bagaimana Universiti al-Azhar, Mesir boleh maju dan membiayai palajar-pelajar dari seluruh dunia hingga ke saat ini dengan bersumberkan sumbangan harta wakaf.

Akhir kalam, saya dengan setulus hati mendoakan YWM akan terus disinari kegemilangan dan semoga tahun 2015 akan mengukir kejayaan yang membanggakan kita semua di samping mendapat keberkatan dan kerahmatan daripada Allah ﷺ.

Sekian, wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sudin Haron".

DATO' PROF. DR. SUDIN HARON

**"BANDINGAN PAHALA ORANG YANG
MENAFKAHKAN HARTANYA DI JALAN ALLAH
ADALAH UMPAMA SEBIJI BENIH YANG
MENUMBUHKAN TUJUH TANGKAI DAN PADA
TIAP-TIAP TANGKAI ITU ADA SERATUS BIJI DAN
ALLAH MELIPATGANDAKAN (GANJARAN) BAGI
SESIAPA YANG DIKEHENDAKI DAN ALLAH MAHA
LUAS (KURNIA-NYA) LAGI MAHA MENGETAHUI"**

SURAH AL-BAQARAH
AYAT 261

MAKLUMAT ORGANISASI

LATAR BELAKANG PENUBUHAN

PENGENALAN

YWM telah ditubuhkan secara rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

VISI

 **Menjadi sebuah organisasi terunggul dalam memperkasakan agenda ummah melalui pemantapan instrumen wakaf **

MISI

Kami sentiasa berusaha untuk:

- ▶ Mencapai tahap penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- ▶ Memupuk kesedaran masyarakat tentang potensi wakaf; dan
- ▶ Menjana sumber modal bagi memajukan aset-aset wakaf secara holistik dan bersepadu.

FUNGSI

- ▶ Mengumpul dana wakaf;
- ▶ Membangun dan memajukan harta wakaf;
- ▶ Melaksanakan program kebajikan dan sosial;
- ▶ Menjalankan program pelaburan;
- ▶ Mengadakan program promosi dan penerbitan; dan
- ▶ Mempelopori Wakaf Korporat.



Rajah 1: Pejabat YWM

FUNGSI UTAMA


Membantu MAIN untuk:

- ▶ Membangunkan tanah wakaf yang sedia ada;
- ▶ Mewujudkan harta tanah wakaf baru; dan
- ▶ Membangunkan ekonomi ummah melalui instrumen wakaf.

OBJEKTIF

- ▶ Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf;
- ▶ Membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amalan jariah melalui pembangunan ekonomi, sosial dan kebajikan umat Islam;
- ▶ Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari, terkini dan inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf;
- ▶ Menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi di kalangan umat Islam secara progresif dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan; dan
- ▶ Menyempurnakan amanah pewakaf.

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

PENGERUSI

YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM [B]

Menteri di Jabatan Perdana Menteri



NAIB PENGERUSI

YBHG. DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD

Ketua Pengarah JAWHAR



AHLI



**YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM
BIN MEON**

Presiden
Yayasan Kepimpinan dan Strategi
Malaysia



**YBHG. TAN SRI DATUK SHEIKH
GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN**

Penasihat Perundang Syariah
Jabatan Peguam Negara



**YH DATO' AHMAD HAIRI BIN
HAJI HUSSIN**

Setiausaha
Majlis Ugama Islam dan
Adat Resam Melayu Pahang

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (SAMB.)



**YB DATO' HAJI MOHD. SALLEH
BIN MAN**

Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang



**YBHG. DATO' HAJI MOHD ROZALI
BIN SALEH**

Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama
Terengganu/Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu
Terengganu



**YBHG. DATO' HAJI NOH BIN HAJI
DAHYA**

Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Kedah
Darul Aman



**YBHG. DATO' HAJI SERPU DIN BIN
MOHAMAD**

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat
Melayu Kelantan



YBHG. DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor



**YBHG. DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN
JAFFAR**

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan



**YB DATUK WIRA HAJI YAAKUB BIN MD.
AMIN**

Timbalan Pengurus
Majlis Agama Islam Melaka



**YBHG. DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN
AB. KADIR**

Pengarah Tajdid Pemikiran Islam
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia



YBHG. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

Setiausaha
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu
Perak

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (SAMB.)



**TUAN HAJI MD. ROFIKI BIN DATO' HAJI
A. SHAMSUDIN**

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor



TUAN HAJI ABDUL MALIK BIN HUSSIN

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat
Melayu Perlis



**TUAN HAJI KAMAL AMRAN BIN
KAMARUDIN**

Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



ENCIK JAINAL BIN SULAI

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Wakaf dan Baitulmal
Majlis Ugama Islam Sabah



ENCIK ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN

Timbalan Pengarah II (Pembangunan
Bumiputera) Seksyen Pengagihan,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri



ENCIK ZAINAL ABIDIN BIN MAT NOR

Ketua Seksyen Wang Awam 1
Bahagian Dasar Saran Wang Awam
dan Khidmat Pengurusan
Perbendaharaan Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH



PENGURUSI

**YBHG. TAN SRI DATUK SHEIKH
GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN**
Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara

AHLI



YBHG. DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Ketua Pengarah JAWHAR



**YBHG. DATO' HAJI ELLIAS
BIN ZAKARIA**
Pengarah Pejabat Transformasi
Universiti Sains Malaysia



**YBHG. PROF. MADYA DR. AZNAN
BIN HASAN**
Pensyarah Syariah Bursa Malaysia
Berhad/Pensyarah Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia



**YBHG. PROF. MADYA DR. MOHD
RIDZUAN BIN AWANG**
Pensyarah Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia



**YBHG. PROF. MADYA DR. SITI
MASHITO BINTI MAHAMOOD**
Pensyarah Jabatan Syariah dan
Undang-undang, Akademi Pengajian
Islam, Universiti Malaya

JAWATANKUASA PELABURAN DAN KEWANGAN



PENGERUSI

YBHG. DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Ketua Pengarah JAWHAR

AHLI



YBHG. PROF. MADYA DR. AZNAN BIN HASAN

Penasihat Syariah Bursa Malaysia Berhad / Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



YBHG. AR. PROF. DATUK DR. AMER HAMZAH BIN MOHD YUNUS

Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am
Ibu Pejabat JKR Malaysia



ENCIK ZAINAL ABIDIN BIN MAT NOR

Ketua Seksyen Wang Awam 1
Bahagian Dasar Saran Wang Awam
Dan Khidmat Pengurusan
Perbendaharaan Malaysia



ENCIK ROSLAN BIN ABDUL RAZAK

Perunding Utama Wafiq Advisor

JAWATANKUASA PENGURUSAN



PENGERUSI

YBHG. DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Ketua Pengarah JAWHAR

AHLI



TUAN HAJI KAMIN BIN SAMADI
Timbalan Pengarah Kanan
(Perjawatan)
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia



PUAN HALIMAH BINTI HASHIM
Setiausaha Bahagian Khidmat
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri



ENCIK AZLAN BIN ABD MAJID
Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR

JAWATANKUASA AUDIT



PENGURUSI

**YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM
BIN MEON**

Presiden Yayasan Kepimpinan dan
Strategi Malaysia

AHLI



**CIK MARIAM KHALIDAH
BINTI ZULKIFLI**
Setiausaha Bahagian Audit Dalam
Jabatan Perdana Menteri



ENCIK AZLAN BIN ABD MAJID
Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR



ENCIK MOHD SABREE BIN YAAKUB
Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Perakaunan Persekutuan
Unit Operasi Akaun Persekutuan
Bahagian Pengurusan Operasi Pusat
dan Agensi Jabatan Akauntan Negara
Malaysia


JAWATANKUASA SINERGI

PENGERUSI

YBhg. Tan Sri Dato' Hashim Meon
Presiden Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia



CARTA ORGANISASI



**"KAMU TIDAK SEKALI-KALI AKAN DAPAT CAPAI
(HAKIKAT) KEBAJIKAN DAN KEBAKTIAN (YANG
SEMPURNA) SEBELUM KAMU DERMAKAN
SEBAHAGIAN DARI APA YANG KAMU
SAYANGI. DAN SESUATU APA JUA YANG KAMU
DERMAKAN, MAKA SESUNGGUHNYA ALLAH
MENGETAHUINYA"**

SURAH ALI-IMRAN
AYAT 92

LAPORAN OPERASI

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MENGUMPUL DANA WAKAF

PENGENALAN

Sehingga 31 Disember 2014, kutipan keseluruhan Wakaf Tunai Malaysia berjumlah **RM4,377,871.00**.

PERINCIAN KUTIPAN

- A. Kutipan Wakaf Tunai Malaysia terkumpul bagi tahun 2014 berjumlah RM2,063.154.00.

KAEDAH BERWAKAF

Langsung (one off)

Sumbangan wakaf secara tunai boleh dibuat menggunakan FPX (Financial Process Exchange) atau kad kredit.

| Jenis Kutipan | Jumlah [RM] |
|------------------------|-------------|
| FPX (Internet Banking) | 75,774.50 |
| MIGS (Kad Kredit) | 5,157.94 |
| Jumlah | 80,932.44 |

Potongan gaji


Sumbangan wakaf secara potongan gaji juga boleh dibuat secara atas talian dengan mengisi borang potongan gaji yang disediakan. Untuk penjawat awam, kod potongan gaji yang digunakan adalah 4474.



Rajah 2: Paparan Borang Permohonan Potongan Gaji dalam Sistem Wakaf Tunai Malaysia


- B. Kutipan Wakaf Tunai Malaysia terkumpul dari tahun 2009 sehingga 2014

PERINCIAN KUTIPAN MENGIKUT TAHUN



Carta 1: Kutipan Wakaf Tunai Malaysia Tahun 2009 sehingga 31 Disember 2014

PECAHAN KUTIPAN WAKAF TUNAI MALAYSIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2014



Carta 2: Pecahan Kutipan Wakaf Tunai Malaysia Sehingga 31 Disember 2014

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN HARTA WAKAF

PROJEK KECIL BERIMPAK BESAR OLEH YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Senarai projek melalui peruntukan tahun 2013 sehingga 31 Disember 2014 seperti berikut:

| Bil | NAMA PROJEK |
|------------------------|--|
| KEDAH | |
| 1 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [2 Unit] di Masjid Muadzam Shah, Kuala Nerang |
| 2 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] di Masjid Ar-Rahman, Kampung Gelam, Langkawi |
| 3 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] di Masjid Taman Intan, Sungai Petani |
| PULAU PINANG | |
| 4 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [3 Unit] Di Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Lot 6245, Teluk Air Tawar, Mukim 7, Seberang Perai Utara |
| 5 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] Di PT 810, Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda, Daerah Seberang Perai Tengah |
| NEGERI SEMBILAN | |
| 6 | Cadangan Membina Bangunan Wakaf Mart Satu Tingkat Di Masjid At-Taqwa, Kampung Paroi, Mukim Ampangan, Daerah Seremban |
| TERENGGANU | |
| 7 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [2 Unit] Di Lot 2466, 2467, & 2468, Mukim Pulau Kerengga, Daerah Marang |
| SELANGOR | |
| 8 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] Di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling |
| 9 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] Di Masjid Taman Subang Perdana, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling |
| 10 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] Di Masjid As-Salam, Mukim Pekan Puchong Perdana, Daerah Petaling |
| 11 | Cadangan Membina Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Satu Tingkat [4 Unit] Di Masjid As-Syakirin, Mukim Setapak, Daerah Gombak |

Jadual 1: Senarai projek di negeri Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor

PROJEK SIAP



Rajah 3: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Muadzam Shah, Kuala Nerang, Kedah



Rajah 4: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Ar-Rahman, Kg. Gelam, Langkawi, Kedah



Rajah 5: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Taman Intan, Sungai Petani, Kedah

SEBAHAGIAN GAMBAR PROJEK DALAM PEMBANGUNAN



Rajah 6: Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang



Rajah 7: Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Perda, Pulau Pinang



Rajah 8: Akademi Kulinari Terengganu, Pulau Kerengga, Marang, Terengganu



Rajah 9: Wakaf Mart di Masjid At-Taqwa, Paroi, Negeri Sembilan



Rajah 10: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Selangor



Rajah 11: Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Taman Subang Perdana, Selangor

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK BAZAR WAKAF RAKYAT YAYASAN WAQAF MALAYSIA

DI MASJID AR-RAHMAN, KAMPUNG GELAM, MUKIM KEDAWANG, PULAU LANGKAWI, NEGERI KEDAH



Rajah 12: Bergambar di hadapan Bazar Wakaf Rakyat



Rajah 13: Dato' KPE menandatangani dokumen bersama Puan Hajjah Faizah binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah [Arkitek], Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah sambil diperhatikan oleh Tuan Syeikh Ahmad Zaki bin Ghazali, Ketua Bahagian Wakaf mewakili Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)



Rajah 14: Penyerahan replika kunci sebagai simbolik penyerahan projek Bazar Wakaf Rakyat

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN SOLAT HAJAT SEMPENA PEMBUKAAN WAKAF MART YAYASAN WAQAF MALAYSIA

DI MASJID AN NAJIHIN, BANDAR SRI PERMAISURI, CHERAS



PROTOTAIP WAKAF MART

DI MASJID AN NAJIHIN, BANDAR SRI PERMAISURI, CHERAS

Sebagai permulaan YWM telah membangunkan prototaip francais Wakaf Mart di Masjid An Najihin, Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur yang diuruskan oleh Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB), anak syarikat milik penuh YWM. Prototaip Wakaf Mart telah mula beroperasi pada 1 November 2014.



Rajah 18: Prototaip Wakaf Mart Masjid An-Najihin, Bandar Sri Permaisuri, Cheras

PENGURUSAN HOTEL WAKAF



HOTEL PANTAI PUTERI [JAWHAR-MAIM], TANJUNG KLING, MELAKA

| Tahun | 2014 |
|-----------------------------|--------|
| Kadar Purata Bilik [RM] | 126.22 |
| Kadar Purata Penginapan [%] | 43 |



HOTEL SERI WARISAN [JAWHAR-MAIPk], TAIPING, PERAK

| Tahun | 2014 |
|-----------------------------|--------|
| Kadar Purata Bilik [RM] | 112.17 |
| Kadar Purata Penginapan [%] | 49 |



HOTEL GRAND PUTERI [JAWHAR-MAIDAM], KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

| Tahun | 2014 |
|-----------------------------|--------|
| Kadar Purata Bilik [RM] | 115.05 |
| Kadar Purata Penginapan [%] | 44 |

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI DAN PENERBITAN

A TAKLIMAT WAKAF TUNAI MALAYSIA

| NO. | LOKASI | TARIKH |
|-----|--|-------------|
| 1 | Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya | 14 Februari |
| 2 | Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya | 21 Februari |
| 3 | Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Terengganu | 26 Februari |
| 4 | Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Terengganu | 27 Februari |
| 5 | Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kedah | 25 Mac |
| 6 | Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kuala Lumpur | 4 April |
| 7 | Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur | 7 April |
| 8 | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Kuala Lumpur | 17 April |
| 9 | PD Sanctuary, Port Dickson, Negeri Sembilan [Siri 1] - kepada Amil Wilayah Persekutuan | 14 Mei |
| 10 | Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya | 16 Mei |
| 11 | PD Sanctuary, Port Dickson, Negeri Sembilan [Siri 2] - kepada Amil Wilayah Persekutuan | 21 Mei |
| 12 | Bilik Syura, Pusat Islam Iskandar Johor - Pembentangan Cadangan Pelaksanaan Wakaf Tunai Malaysia | 22 Mei |
| 13 | PD Sanctuary, Port Dickson, Negeri Sembilan [Siri 3] - kepada Amil Wilayah Persekutuan | 28 Mei |
| 14 | Jabatan Imigresen Malaysia, Kedah | 8 Jun |
| 15 | Jabatan Pendaftaran Negara, Kedah | 17 Jun |
| 16 | Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya | 8 Julai |
| 17 | Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Kuala Lumpur | 11 Julai |
| 18 | Kementerian Pelajaran Malaysia, Cyberjaya | 18 Julai |
| 19 | Jabatan Perkhidmatan Awam, Cyberjaya | 22 Julai |
| 20 | Dewan Bakawali, Kangar - Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Perlis | 28 Oktober |
| 21 | Pusat Perlindungan Wanita Majlis Agama Islam Johor, Johor Bahru - Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Johor | 18 November |
| 22 | Ibu Pejabat RELA, Putrajaya | 3 Disember |
| 23 | Shah Alam Convention Centre, Shah Alam - Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Selangor | 17 Disember |

Jadual 2 : Taklimat Wakaf Tunai Malaysia sepanjang 2014

TAKLIMAT WAKAF TUNAI



Rajah 19 : Sebahagian gambar sesi Taklimat Wakaf Tunai oleh Pegawai YWM

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI DAN PENERBITAN

B PENYERTAAN KARNIVAL/BOOTH PAMERAN

| NO. | LOKASI | TARIKH |
|-----|---|-----------------|
| 1 | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya | 13 Februari |
| 2 | Karnival Hijrah anjuran TV AlHijrah Sempena Temasya Program Dakwah Negara di Pantai Murni, Yan, Kedah | 27 – 30 Mac |
| 3 | Mini Karnival Wakaf di Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan | 21 Mei |
| 4 | Karnival Hijrah anjuran TV AlHijrah Sempena Temasya Program Dakwah Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia | 28 Mei – 1 Jun |
| 5 | Karnival Mahabbah IKIM di Padang Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan | 30 Mei – 1 Jun |
| 6 | Karnival TerengganuKu Sayang di Perkarangan Stadium Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu | 5 – 8 Jun |
| 7 | Karnival Hijrah anjuran TV AlHijrah Sempena Temasya Program Dakwah Negara di Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan | 12 – 14 Jun |
| 8 | JAWHAR <i>Intellectual Discourse</i> di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya | 18 Jun |
| 9 | Program Syarahan Perdana Siri 1/2014, Jabatan Perdana Menteri, Dewan Taklimat ICU, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya | 8 Julai |
| 10 | Karnival Hijrah anjuran TV AlHijrah Sempena Temasya Program Dakwah Negara di Kota Kinabalu, Sabah | 22 – 24 Ogos |
| 11 | Majlis Konvokesyen Kali Ke-2 PICOMS di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC | 1 September |
| 12 | Program Syarahan Perdana Siri 1/2014 di Dewan Tun Razak, INFRA, Kajang, Selangor | 11 September |
| 13 | Perjumpaan Tahunan Puspanita 2014 di Dewan Sri Endon, Presint 10, Putrajaya | 20 – 21 Oktober |
| 14 | Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Perlis di Dewan Bakawali, Kangar, Perlis | 28 Oktober |
| 15 | Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Johor di Dewan Pusat Perlindungan Wanita Majlis Agama Islam Johor, Johor Bahru | 18 November |
| 16 | Seminar Wakaf Antarabangsa di Hotel Istana, Kuala Lumpur | 8 -10 Disember |

Jadual 3 : Penyertaan Karnival / Booth Pameran sepanjang 2014

PENYERTAAN KARNIVAL/BOOTH PAMERAN



Rajah 20 : Sebahagian gambar suasana karnival yang disertai oleh YWM

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI DAN PENERBITAN

C MEDIA ELEKTRONIK

| NO. | LOKASI | TARIKH |
|-----|---|--------------|
| 1 | Tajaan Azan Zohor, Asar dan Maghrib di TV AlHijrah | random |
| 2 | Iklan [video komersil] YWM bagi mempromosi wakaf tunai di TV1, TV2, TV3 dan TV AlHijrah | random |
| 3 | Temuramah Eksekutif Kanan Pemasaran dan Penyelaras YWM di rancangan Assalamualaikum TV AlHijrah sempena Temasya Program Dakwah Negara di Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan | 13 Jun 2014 |
| 4 | Temuramah Eksekutif Kanan Pemasaran dan Penyelaras YWM di rancangan Assalamualaikum TV AlHijrah sempena Temasya Program Dakwah Negara di Kota Kinabalu, Sabah | 23 Ogos 2014 |

Jadual 4 : Penglibatan YWM di Media Elektronik sepanjang 2014

Daripada Abu Hurairah R.A, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya”.

Riwayat Muslim

WAKAF TUNAI

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (nakikat) kebaikan dan kebaikan (yang sempurna) sebelum kamu bermakam sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermaikan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Surah Al-Imran: Ayat 92

WAKAF TUNAI
Berwakaflah di Yayasan Wakaf Malaysia
www.ywm.gov.my




Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, iaitu sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangka; tiap-tiap tangka itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi setiap yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniannya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya”.

Surah Al-Baqarah: Ayat 261

WAKAF TUNAI
Berwakaflah di Yayasan Wakaf Malaysia
www.ywm.gov.my





Rajah 21 : Kapsul tajaan azan di TV AlHijrah



Rajah 22 : Iklan [video komersil] YWM bagi mempromosikan wakaf tunai Malaysia di RTM1, RTM2, TV3 dan TV AlHijrah

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI DAN PENERBITAN

D PENERBITAN



Rajah 23 : Brosur YWM



Rajah 24 : Buletin Januari – Jun Bil 1/2014



Rajah 25 : Buletin Julai – Disember Bil 2/2014



Rajah 26 : Laporan Tahunan Yayasan Waqaf Malaysia 2013

LAPORAN AKTIVITI UTAMA:


MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN

KAJIAN PELAN INDUK TRANSFORMASI PEMBANGUNAN HARTA TANAH WAKAF

A DI MALAYSIA

| TARIKH | PERKARA | TEMPAT |
|-------------|--|---|
| 6-7 Januari | Makmal Kajian Pelan Induk Transformasi Hartanah Wakaf di Malaysia Siri 4 | Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi [AKEPT], Labu, Negeri Sembilan |
| 23 Januari | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Siri 7 Bil. 2/2014 | Bilik Gerakan JAWHAR, Kompleks E, Putrajaya |
| 15 Februari | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Siri 8 Bil. 2/2014 | Hotel Seri Warisan [JAWHAR-MAIPk] Taiping, Perak |
| 30 Jun | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Siri 4 Bil. 1/2014 | Bilik Mesyuarat Seksyen Pengagihan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri |

Jadual 5 : Perbincangan mengenai Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia sepanjang 2014




Rajah 27 : Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN

B KAJIAN IMPAK PEMBANGUNAN BAZAR WAKAF RAKYAT


Laporan Kajian Impak Pembangunan Bazar Wakaf Rakyat telah disediakan oleh Jawatankuasa Khas Kajian Impak Pelaksanaan Projek Bazar Wakaf Rakyat oleh YWM [JKKKI] yang diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Sudin Haron dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM Siri 13 Bil. 2/2013 pada 28 November 2013. Laporan ini mengandungi isu-isu yang berkaitan hasil maklumbalas peniaga, Jawatankuasa Masjid dan pengurusan MAIN melalui temubual yang telah dilaksanakan. Selain itu, cadangan dan penampaikan daripada kumpulan pakar telah diambilkira bagi menambahbaik pelaksanaan program yang telah dan akan dilaksanakan oleh YWM. Ahli-ahli kumpulan pakar terdiri daripada individu iaitu wakil MAIN, ahli akademik, ahli korporat terpilih, peneraju Dewan Perniagaan dan NGO serta pengendali pembiayaan mikro.




Rajah 28 : Kajian Impak Pembangunan Bazar Wakaf Rakyat

PESERTA PROGRAM


PROFIL PERNIAGAAN PESERTA



Carta 3 : Peratus pengalaman bekerja responden yang beroperasi di premis




Carta 4 : Peratus tempoh responden dalam bidang perniagaan




Carta 5 : Peratus tempoh beroperasi responden di premis tersebut

FAKTOR DORONGAN PESERTA




Carta 6 : Peratus faktor dorongan menyertai Program Bazar Wakaf

MAKLUMAT KEWANGAN PESERTA





Carta 7 : Prestasi jualan responden di premis perniagaan





Carta 8 : Peratusan peningkatan pendapatan bulanan responden

JAWATANKUASA MASJID




FASA PEMILIHAN PENIAGA



ANALISA

| IMPAK | MAJORITI |
|----------------------------------|---|
| Pendapatan | 40% mengalami peningkatan pendapatan sehingga 50% berbanding sebelum bermiaga di Bazar Wakaf Rakyat |
| Nilai Harta Terkumpul | 30% mengalami peningkatan dari segi nilai harta terkumpul |
| Kemahiran Perniagaan | 83% bersetuju program ini menambahkan lagi pengetahuan mereka mengenai perniagaan |
| Kualiti Kenderaan/Kediaman | 40% bersetuju kualiti harta mereka semakin bertambah selepas menyertai program ini |
| Penghormatan Masyarakat Setempat | 77% bersetuju masyarakat setempat semakin menghormati mereka |
| Keyakinan Diri | 75% bersetuju lebih berkeyakinan setelah bermiaga di Bazar Wakaf Rakyat |
| Zakat Perniagaan | 53% bersetuju sudah mula atau semakin kerap menunaikan zakat perniagaan |

Jadual 6 : Impak program kepada peniaga



Carta 13 : Impak Program ke atas Institusi Masjid

RUMUSAN KAJIAN

Penyelidikan ini telah berjaya membuktikan bahawa projek yang dijalankan mencapai matlamatnya terutamanya dari segi:



Membantu dan memberi peluang kepada peniaga sedia ada dan mereka yang berminat untuk meningkatkan pendapatan dengan menyediakan kemudahan ruang perniagaan bagi mengembangkan kegiatan perniagaan



Mengimarahkan masjid sebagai institusi komuniti kepada masyarakat setempat



Selain itu, projek ini telah berjaya mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara YWM dan MAIN dalam pembangunan hartaanah wakaf di negara ini. Ini membuktikan bahawa pihak berkepentingan memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting agar pelaksanaan program pembangunan yang dirancang berjalan lancar dan sempurna. Namun begitu, terdapat aspek yang perlu diperbaiki antaranya ciri-ciri pemilihan lokasi yang strategik, pemilihan jenis perniagaan dan pemantauan yang berkesan ke atas pengoperasian premis perniagaan tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini boleh dijadikan panduan bagi YWM untuk menambahbaik pentadbiran dan juga pelaksanaan cadangan projek pembangunan yang melibatkan MAIN pada masa akan datang.



Rajah 29: Sebahagian gambar temubual pengkaji bersama peniaga Bazar Wakaf Rakyat

LAPORAN AKTIVITI UTAMA:

PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD (859171-H)

PENGENALAN

Anak syarikat YWM iaitu Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) telah diperbadankan pada 2 Jun 2009 di bawah Akta Syarikat Malaysia 1965 [Akta 125] dengan nombor pendaftaran pertubuhan 859171-H sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer (*limited by shares*) dan kepentingan ekuiti dimiliki sepenuhnya oleh YWM.

LAPORAN AKTIVITI UTAMA:

PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD


A PENGURUSAN AKADEMI KULINARI TERENGGANU (AKT)

LATAR BELAKANG

AKT merupakan sebuah pusat latihan kemahiran yang dibangunkan oleh YWM di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di Lot 2466, 2467 dan 2468 Mukim Pulau Kerengga, Daerah Marang, Terengganu dengan peruntukan Bajet 2010 sebanyak RM2.5 juta. Pembangunan AKT ini merupakan kerjasama pintar institusi wakaf dan zakat di mana latihan kepada anak-anak asnaf dibiayai menerusi dana zakat oleh MAIDAM. Manakala GIATMARA memberi kerjasama dari segi penyediaan tenaga pengajar, silibus, persijilan dan elau bulanan. AKT menawarkan kursus dalam bidang *Confectionary & Bakery* selama 6 bulan berserta asrama sepenuh masa kepada anak-anak asnaf negeri Terengganu.

SESI PEMBELAJARAN

Pelatih AKT adalah terdiri di kalangan anak-anak asnaf negeri Terengganu dan kos latihan dibiayai sepenuhnya oleh MAIDAM. Bilangan pelatih seperti berikut:



Carta 14 : Bilangan pelatih di AKT



Rajah 30 : Sebahagian aktiviti di Akademi Kulinari Terengganu, di Kuala Terengganu

MAJLIS PERASMIAN DAN GRADUASI KALI KE-1 AKT

Pada 25 Januari 2014, seramai 76 orang graduan AKT bagi sesi satu dan dua telah dianugerahkan Sijil Kemahiran dalam bidang *Confectionary & Bakery* di dalam Majlis Perasmian dan Graduasi Kali-1 yang disempurnakan oleh YB Mejor Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus YWM. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Tuan Ghazali

bin Taib, Pengurus Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Inovasi dan Tugas-Tugas Khas Kerajaan Negeri Terengganu, YBhg. Dato' Bentara Luar [YBhg. Dato' Haji Omar bin Pilus] merangkap Yang DiPertua MAIDAM, YBhg. Datuk Haji Anan bin C. Mohd., Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Ketua Pegawai Eksekutif YWM [Memangku] dan YBhg. Datuk Haji Mohd Rosdi bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif GIATMARA.



Rajah 32 : YB Mejor Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) menyampaikan anugerah kepada pelatih

Rajah 33 : Sebilangan pelatih yang bergraduasi

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA MENTERI KE AKT

26 Mei 2014 – AKT telah menerima kunjungan dalam rangka lawatan kerja YBhg. Datuk Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan [TKSUK], Jabatan Perdana Menteri. Dalam sesi lawatan tersebut, YBhg. Datuk TKSUK juga dibawa menyaksikan demonstrasi masakan bagi penyediaan kek dan pastri selain menikmati hasil kerja pelatih AKT. Dalam ulasan terhadap lawatan tersebut, YBhg. Datuk TKSUK melahirkan rasa gembira di atas program pembangunan

yang dilaksanakan oleh YWM dengan kerjasama MAIDAM dan GIATMARA tersebut. Ini kerana ianya selaras dengan inisiatif Kerajaan dalam program Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang melibatkan kolaborasi pelbagai agensi untuk mewujudkan satu program dan perkhidmatan yang memberikan impak tinggi yang segera dan berkesan untuk membantu program transformasi Kerajaan.



Rajah 34 : Menikmati hasil pastri yang disediakan oleh pelatih AKT

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD

B MENGURUSKAN PENGOPERASIAN WAKAF MART DI MASJID AN-NAJIHIN CHERAS

Dibangunkan melalui peruntukan Bajet 2010

Kos pembangunan : RM200,000.00

Tarikh siap : 22 Mei 2013

Mula Beroperasi

1 November 2014

Diskripsi

Kedai serbaneka berkonsepkan kedai harga patut yang menawarkan pelbagai keperluan harian yang halal, berkait dan menjimatkan kepada penduduk setempat. Dibuka setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam.

Rajah 36 : Wakaf Mart Di Masjid An-Najihin Cheras



Rajah 37 : Susun atur Wakaf Mart di Masjid An-Najihin Cheras

LAPORAN AKTIVITI UTAMA: PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD

C MENGURUSKAN PENGOPERASIAN KIOS CENDERAHATI DI MASJID NEGARA

Dibangunkan melalui peruntukan Bajet 2010

Kos pembangunan : RM300,000.00

Tarikh siap : 29 Jun 2012

Mula Beroperasi

1 Disember 2014

Diskripsi

Kedai jualan cenderahati dijual kepada pelawat-pelawat yang melancong ke Masjid Negara. Dibuka setiap hari dari jam 9.00 pagi sehingga 6.00 petang.



Rajah 39 : Susun atur Kios Cenderahati di Masjid Negara

**"APABILA MATI ANAK ADAM, AKAN
TERPUTUSLAH AMALANNYA KECUALI TIGA
PERKARA: SEDEKAH JARIAH, ILMU YANG
DIMANFAATKAN DAN ANAK SOLEH YANG
MENDOAKANNYA"**

HADIS RIWAYAT MUSLIM

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pemegang Amanah :

| | | |
|------------------------------|---|--|
| Pengerusi | : | YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) |
| Naib Pengerusi | : | YBhg. Datuk Haji Anan bin C. Mohd |
| Ahli Lembaga Pemegang Amanah | : | YBhg. Tan Sri Dato' Hashim Meon YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman YBhg. Dato' Dr Zulkapli bin Mohamed YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Ab Kadir YBhg. Dato' Haji Serpudin bin Mohamad YB Dato' Haji Salleh bin Man YB Datuk Haji Yaakub bin Md Amin YDH. Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan YBhg. Dato' Mohd Rozali bin Saleh YBhg. Dato' Bakhtiar bin Hussin YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar YBhg. Dr Amiruddin bin Muhammed YBrsh. Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin YBrsh. Encik Rosli bin Yaakub YBrsh. Encik Abdul Malik bin Hussin |
| Pejabat Berdaftar | : | No.11 & 13, Jalan Diplomatik 2/2 Presint Diplomatik Putrajaya 62050 Putrajaya |
| Juruaudit | : | Azhar Noriza Zainuddin [AF : 001865] No. 2-3, Jalan AU 1A/4C Taman Keramat Permai 54200 Kuala Lumpur |
| Bank Utama | : | Bank Islam Malaysia Berhad |

LAPORAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka beserta penyata kewangan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Yayasan adalah membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam di dalam dan luar Negara bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan bagi menyempurnakan amanah Pewakaf dan demi kebajikan umat Islam keseluruhannya.

Penubuhan Yayasan adalah bagi membangunkan projek-projek komersial dan kebajikan demi memperkasakan ekonomi umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip Islam bagi menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi secara progresif dan produktif khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku dalam aktiviti-aktiviti Yayasan dalam tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN**RM**

| | |
|--|---------------|
| Lebihan pendapatan tahun kewangan semasa | <u>84,314</u> |
|--|---------------|

PERUNTUKAN DAN RIZAB

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan semasa.

Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah, keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan semasa tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa luarbiasa.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)
 YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd
 YBhg. Tan Sri Dato' Hashim Meon
 YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman
 YBhg. Dr Zulkapli bin Mohamed
 YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Ab Kadir
 YBhg. Dato' Haji Serpudin bin Mohamad
 YB Dato' Haji Salleh bin Man
 YB Datuk Haji Yaakub bin Md Amin
 YDH. Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan
 YBhg. Dato' Mohd Rozali bin Saleh

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (SAMB.)

YBhg. Dato' Bakhtiar bin Hussin
YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar
YBhg. Dr Amiruddin bin Muhammed
YBrsh. Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin
YBrsh. Encik Rosli bin Yaakub
YBrsh. Encik Abdul Malik bin Hussin

MANFAAT LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pada akhir tahun kewangan atau sepanjang tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Yayasan dengan perkara-perkara yang membolehkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan memperolehi faedah dengan cara memiliki saham-saham, atau debentur, di dalam Yayasan atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan menerima atau berhak menerima apa-apa manfaat, (selain daripada manfaat yang termasuk dalam agregat ganjaran yang diterima atau belum diterima oleh Pemegang Amanah Yayasan atau gaji tetap sebagai pekerja sepenuh masa Yayasan seperti tercatat di dalam penyata kewangan) berikutkan perjanjian di antara Yayasan atau Yayasan yang berkaitan dengan mana-mana Pemegang Amanah Yayasan atau dengan firma di mana Pemegang Amanah Yayasan menjadi ahli, atau dengan Yayasan di mana Pemegang Amanah Yayasan mempunyai kepentingan kewangan yang material.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata kewangan Yayasan disediakan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:-
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan penyediaan elaun bagi hutang-hutang ragu, dan mereka telah berpuashati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan tiada peruntukan hutang ragu diperlukan; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod penyata kewangan secara urusniaga biasa, telahpun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:-
- (i) memerlukan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu dibuat dalam penyata kewangan Yayasan tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Yayasan mengelirukan.


LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

- (c) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Yayasan, mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Yayasan yang akan mengakibatkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin terhadap liabiliti orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka bagi Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah:-
 - (i) tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan (12) selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Yayasan untuk memenuhi liabilitinya bila dan apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tidak ada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luarbiasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit, AZHAR NORIZA ZAINUDDIN telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,


YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)
Pengerusi


DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Naib Pengerusi

Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 25 JUN 2015

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Kami, YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B) dan DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD, dua daripada Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, penyata kewangan yang disertakan adalah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] dan piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti Persendirian, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan:-

- (i) kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2014 dan keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,


YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)
Pengerusi


DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Naib Pengerusi

Putrajaya, Malaysia


Tarikh : 25 JUN 2015

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, DATO' PROF. DR. SUDIN HARON, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang disertakan, pada pendapat saya adalah benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya
oleh penama di atas di Kuala Lumpur di Wilayah
Persekutuan pada

25 JUN 2015


DATO' PROF. DR. SUDIN HARON

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur, Malaysia



NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJU (KLSC)
53300 KUALA LUMPUR

Laporan terhadap penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, yang terdiri daripada lembaran imbangan pada tarikh 31 Disember 2014, berserta penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting serta nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan di muka surat 9 hingga 31.

Tanggungjawab Pemegang Amanah Yayasan terhadap penyata kewangan

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab dalam penyediaan serta persesembahan yang saksama ke atas penyata kewangan tersebut bersesuaian dengan Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258). Tanggungjawab ini termasuk: merancang, melaksana, dan menyelia kawalan dalaman Yayasan yang berhubung dengan penyediaan dan perseimbahan penyata kewangan yang saksama dan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan; pemilihan dan penggunaan piawaian polisi perakaunan yang sesuai; dan anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk mengemukakan pendapat kami berdasarkan audit kami terhadap penyata kewangan. Kami melaksanakan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mengikut garis panduan yang beretika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi perlaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit atas jumlah dan penyataan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian terhadap risiko penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan. Dalam menjalankan penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman Yayasan yang berhubung dengan penyediaan dan perseimbahan saksama penyata kewangan untuk merancang prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan-keadaan tertentu, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap tahap keberkesanan kawalan dalaman Yayasan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian penggunaan prinsip perakaunan yang sesuai dan kewajaran anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh lembaga pengarah, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara menyeluruh.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah cukup dan sesuai untuk memberi asas bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya bersesuaian dengan Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir tersebut.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**

Laporan terhadap urusan perundangan dan badan berkanun lain

Sejajar dengan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258], di Malaysia. Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Yayasan telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini bertujuan hanya untuk pemegang-pemegang amanah, sebagai sebuah badan, menurut peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas kandungan laporan ini kepada mana-mana pihak lain.



AZHAR NORIZA ZAINUDDIN
[AF : 001865]
Akauntan Bertauliah (Malaysia)



NORIZA BINTI ZAINUDDIN
Akauntan Bertauliah
[2223/03/16 (J)]
Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 25 JUN 2015

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|------|------------------|------------------|
| Pendapatan | | | |
| Geran mengurus | 3 | 3,050,000 | 2,750,000 |
| Geran pembangunan dilunaskan | 4 | 1,938,046 | 1,437,973 |
| Kumpulan wang rizab dilunaskan | 5 | 300,000 | 524,049 |
| Perlunasan peruntukan kajian | 19 | - | 130,874 |
| Pendapatan lain | 6 | 1,253,089 | 923,215 |
| | | 6,541,135 | 5,766,111 |
| Perbelanjaan | | | |
| Perbelanjaan operasi | | 4,478,550 | 3,262,103 |
| Perbelanjaan pembangunan | | 1,938,046 | 1,437,973 |
| Perbelanjaan kumpulan wang rizab | | - | 524,049 |
| Perbelanjaan kajian | | - | 130,874 |
| | | 6,416,596 | 5,354,999 |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | 7 | 124,539 | 411,112 |
| Cukai | 8 | (40,225) | (40,452) |
| Lebihan pendapatan bersih | | 84,314 | 370,660 |

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|------|-------------------|-------------------|
| Hartanah, loji dan peralatan | 9 | | |
| Kenderaan | | 24,335 | 60,835 |
| Komputer | | 27,512 | 51,554 |
| Perabot dan kelengkapan | | 3,638 | 14,121 |
| Peralatan pejabat | | 49,358 | 16,311 |
| Peralatan elektrik | | 15,153 | 24,547 |
| Ubahsuai | | 17 | 31,929 |
| | | 120,013 | 199,297 |
| Aset bukan semasa | | | |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 10 | 300,000 | 2 |
| Kerja dalam perlaksanaan | 11 | 62,624 | 7,092 |
| | | 362,624 | 7,094 |
| Aset semasa | | | |
| Penghutang dagangan | 12 | 41,073 | 18,049 |
| Lain-lain penghutang dan deposit | | 294,800 | 294,800 |
| Amaun ter hutang daripada subsidiari | 13 | 17,577 | 309,352 |
| Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen | 14 | - | 4,215,769 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | | 27,332,426 | 22,168,365 |
| | | 27,685,876 | 27,006,335 |
| Liabiliti semasa | | | |
| Pembiayaan projek | | 899,741 | 611,968 |
| Pelbagai pembiayaan dan akruan | | 918,251 | 974,137 |
| Dana terikat | 15 | 315,627 | 153,474 |
| Dana wakaf tunai diterima | 16 | 2,591,940 | 1,587,010 |
| Dana manfaat wakaf yang belum digunakan | 17 | 1,518,953 | 674,974 |
| Tabung penyelenggaraan | 18 | 1,465,305 | 638,960 |
| Peruntukan kajian | 19 | 960,626 | 960,626 |
| Peruntukan cukai | | 164,641 | 124,416 |
| | | 8,835,084 | 5,725,565 |
| Aset semasa bersih | | 18,850,792 | 21,280,770 |
| | | 19,333,429 | 21,487,161 |

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|--|------|---|---|
| Modal dan rezab | | | |
| Kumpulan wang rizab | 20 | 3,375,951 | 3,675,951 |
| Kumpulan wang pembangunan:- | 21 | 12,912,547 | 14,850,593 |
| - terimaan geran pembangunan tanah wakaf | | 35,000,000 | 35,000,000 |
| - harta yang diwakafkan | | (22,087,453) | (20,149,407) |
| Kumpulan wang mengurus | 22 | 3,044,931 <hr/> 19,333,429 | 2,960,617 <hr/> 21,487,161 |

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

| | Nota | Kumpulan wang rizab RM | Kumpulan wang pembangunan RM | Kumpulan wang mengurus RM | Jumlah RM |
|---|------|---------------------------------|---------------------------------------|------------------------------------|-----------------------|
| Pada 1 Januari 2013 | | 4,200,000 | 11,288,566 | 2,589,957 | 18,078,523 |
| Geran diterima | | - | 5,000,000 | 2,750,000 | 7,750,000 |
| Pendapatan lain | 22 | - | - | 923,215 | 923,215 |
| Perbelanjaan tahun semasa | | (524,049) | (1,437,973) | (3,302,555) | (5,264,577) |
| Pada 31 Disember 2013 | | 3,675,951 | 14,850,593 | 2,960,617 | 21,487,161 |
| Pada 1 Januari 2014 | | 3,675,951 | 14,850,593 | 2,960,617 | 21,487,161 |
| Geran diterima | | - | - | 3,050,000 | 3,050,000 |
| Penerbitan saham berbayar dalam subsidiari | | (300,000) | - | 300,000 | - |
| Pendapatan lain | 22 | - | - | 1,253,089 | 1,253,089 |
| Perbelanjaan tahun semasa | | - | (1,938,046) | (4,518,775) | (6,456,821) |
| Pada 31 Disember 2014 | | 3,375,951 | 12,912,547 | 3,044,931 | 19,333,429 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|------|--------------------|-------------|
| Aliran tunai daripada aktiviti operasi | | | |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | | 124,539 | 411,112 |
| <i>Pelarasan bagi:-</i> | | | |
| Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan | 9 | 118,993 | 188,084 |
| Pendapatan pelaburan | 6 | (160,058) | (187,941) |
| Perlunasan kumpulan wang rizab | 5 | (300,000) | (524,049) |
| Perlunasan peruntukan kajian | 19 | - | (130,874) |
| (Kurangan) daripada operasi sebelum perubahan modal kerja | | (216,526) | (243,668) |
| Perubahan dalam modal kerja:- | | | |
| Penghutang dagangan | | (23,024) | 21,951 |
| Lain-lain penghutang dan deposit | | - | (150,000) |
| Amaun terhutang daripada subsidiari | | 291,775 | (147) |
| Pemiutang projek | | 287,773 | (5,481) |
| Pelbagai pemiutang dan akruan | | (55,886) | 750,419 |
| Dana manfaat wakaf yang belum digunakan | 17 | 826,345 | 471,463 |
| Tabung penyelenggaraan | 18 | 826,345 | 471,463 |
| Kerja dalam perlaksanaan | 11 | (1,993,578) | (1,272,117) |
| Tunai (digunakan untuk)/dihasilkan dari operasi | | (56,776) | 43,883 |
| Keuntungan pelaburan diterima | | 160,058 | 187,941 |
| Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi | | 103,282 | 231,824 |
| Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan | | | |
| Pembelian harta tanah, loji dan peralatan | 9 | (39,709) | (3,640) |
| Penambahan modal berbayar dalam subsidiari | | (299,998) | - |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan | | (339,707) | (3,640) |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)

| | Nota | 2014 RM | 2013 RM |
|---|------|-------------------|-------------------|
| Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan | | | |
| Terimaan dana terikat | 15 | 162,153 | 153,474 |
| Terimaan bersih wakaf tunai | 16 | 1,001,009 | 473,339 |
| Keuntungan pelaburan dana wakaf tunai diterima | 16 | 3,921 | 2,395 |
| Keuntungan pelaburan dana manfaat wakaf yang belum digunakan | 17 | 17,634 | 16,201 |
| Terimaan geran pembangunan | 21 | - | 5,000,000 |
| Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan | | 1,184,717 | 5,645,409 |
| Tambahan bersih dari tunai dan kesamaan tunai | | 948,292 | 5,873,593 |
| Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun kewangan | | 26,384,134 | 20,510,541 |
| Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun kewangan | 23 | 27,332,426 | 26,384,134 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Yayasan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan operasi adalah No. 11 & 13, Jalan Diplomatik 2/2, Presint Diplomatik Putrajaya, 62050 Putrajaya.

Aktiviti-aktiviti utama Yayasan adalah membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam di dalam dan luar Negara bagi tujuan khairat dan amal jariah, melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan bagi menyempurnakan amanah pewakaf dan demi kebajikan umat Islam keseluruhannya.

Penubuhan Yayasan ini adalah bagi membangunkan projek-projek komersial dan kebajikan demi memperkasakan ekonomi umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip Islam bagi menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi secara progresif dan produktif khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku dalam aktiviti-aktiviti Yayasan dalam tahun kewangan semasa.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan dinyatakan sebaliknya, dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan. Dasar-dasar ini telah diterima pakai secara konsisten untuk semua tahun kewangan yang dibentangkan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Yayasan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti Persendirian serta mematuhi peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952.

(b) Hartanah, loji, peralatan dan susutnilai**(i) Harta-harta pemilikan**

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau kerugian kemerosotan terkumpul. Sebarang lebihan disebabkan oleh pernilaian dikreditkan terus kepada rizab modal.

Amaun bagi harta-harta pemilikan adalah disemak pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun boleh pulih harta tersebut akan dianggarkan. Rugi dari pengurangan diiktiraf apabila amaun bagi harta-harta pemilikan melebihi amaun boleh pulih harta tersebut dan akan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya, di mana ia akan dimasukkan ke dalam ekuiti. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun boleh pulih akan dikurangkan oleh amaun tersebut yang telah diiktiraf sebagai susutnilai, di mana tiada nilai yang tertera atau dihapuskan berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)****(b) Hartanah, loji, peralatan dan susutnilai (Samb.)****(i) Susutnilai**

Dalam tahun kewangan semasa, Yayasan telah mengubah kadar susutnilai tahunan bagi alat kelengkapan elektrik daripada 10% kepada 20%. Kesan perubahan dalam kadar susutnilai kepada keuntungan kewangan tahun semasa menambahkan perbelanjaan susut nilai sebanyak kira-kira RM4,697.

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos harta, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya seperti berikut:-

| | |
|------------------------------|-------|
| Alat kelengkapan perhubungan | 12.5% |
| Peralatan pejabat | 12.5% |
| Alat kelengkapan elektrik | 20% |
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Komputer dan perkakasan | 20% |
| Perabot dan kelengkapan | 20% |
| Ubahsuai | 25% |

Apabila sesuatu butiran harta, loji dan peralatan dilupuskan, perbezaan antara hasil kutipan penjualan bersih dan amaun nilaiawanya diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan bahagian lebihan penilaian semula yang tidak digunakan daripada butiran tersebut diambilkira secara langsung kepada Kumpulan Wang Mengurus.

(c) Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai.

Pelaburan lain selain daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak sebarang peruntukan rosotnilai tetap. Peruntukan akan dibuat apabila rosotnilai selain daripada rosotnilai sementara berlaku pada nilai pelaburan dan akan diiktiraf sebagai kos di dalam tempoh semasa rosotnilai berlaku. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan nilai buku akan dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(d) Geran Kerajaan Persekutuan

Geran Kerajaan terbit bila mana Kerajaan memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan Yayasan memperoleh, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang.

(i) Kumpulan Wang Rizab

Geran pelancaran telah diambilkira dalam akaun kumpulan wang rizab semenjak ianya diterima.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)****(d) Geran Kerajaan Persekutuan (Samb.)****(ii) Geran Pembangunan**

Geran pembangunan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diperakui kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk dipadankan dengan belanja pembangunan seperti mana yang diluluskan. Geran yang tidak dapat dipadankan dengan belanja pembangunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbangan sebagai geran tertunda.

(iii) Geran Mengurus

Geran mengurus diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diperakui kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran mengurus diiktiraf dalam penyata pendapatan bertujuan membiayai perbelanjaan operasi semasa khususnya untuk menampung kos operasi termasuk kos kakitangan, sewaan, perkhidmatan profesional dan perkhidmatan lain serta lain-lain belanja mengurus.

(e) Penerimaan

Penerimaan dibawa pada nilai boleh direalisasi yang dijangka. Sesuatu anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan kepada semakan semula ke atas semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan. Hutang lapuk akan diiktiraf pada masa ia dapat dikenalpasti secara khususnya.

(f) Pembayaran

Pembayaran dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa akan datang bagi barang atau perkhidmatan yang telah diterima.

(g) Cukai

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan meliputi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar berhubung keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun kewangan semasa dan ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)****(g) Cukai (Samb.)**

Cukai tertunda diperuntuk, menggunakan kaedah liabiliti, daripada perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun yang dibawanya di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dikurangkan, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh cukai mungkin tersedia yang mana perbezaan sementara boleh dikurangkan, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan sebuah gabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, yang tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah berkuatkuasa atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal tersebut cukai tertunda juga dicaj atau dikredit secara langsung ke dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada suatu gabungan perniagaan yang merupakan pemerolehan, di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

(h) Peruntukan liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber Yayasan yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan semasa akibat daripada peristiwa lampau dan anggaran yang munasabah boleh dibuat untuk amaun tersebut.

(i) Kemerosotan nilai aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Yayasan menyemak semula amaun boleh bawa asetnya untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, kemerosotan nilai-nilai ditentukan dengan membandingkan nilai boleh bawa aset berkenaan dengan amaun yang boleh diperoleh semula. Amaun yang boleh diperolehi semula adalah kadar yang tinggi antara harga jualan bersih dan nilai kegunaan, yang ditentukan dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan nilai akan dicajkan ke dalam penyata pendapatan dengan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan pada amaun penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dianggap sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula aset yang sama yang diiktiraf sebelum itu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)****(j) Pengiktirafan pendapatan**

Pengiktirafan pendapatan dibuat ke atas pendapatan yang dapat dipastikan penerimaanya pada tahun berkenaan dimana perbelanjaan yang berkaitan telah dilibatkan pada tahun berkenaan.

Pengiktirafan sumbangan amal jariah tidak dapat dipastikan penerimaanya kerana ia adalah tertakhluk kepada penyumbang walaupun persetujuan awal telah diberikan.

(k) Ganjaran pekerja**(i) Ganjaran jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Yayasan. Ketidakhadiran jangka pendek terkumpul bergaji seperti cuti tahunan bergaji diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan lagi kelayakan mereka untuk menerima ketidakhadiran bergaji pada masa akan datang, dan ketidakhadiran bergaji tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman yang ditetapkan

Pihak Yayasan menyediakan manfaat selepas perkhidmatan dengan cara membuat caruman kepada pelan caruman yang dikendalikan oleh pihak berkuasa yang berkaitan pada kadar yang ditetapkan. Caruman tersebut adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pekerja (KWAP) dan ia direkodkan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan sebagaimana ditanggung.

(l) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di tangan, deposit dengan bank berlesen dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara, selepas ditolak overdraf bank tertunggak.

3. GERAN MENGURUS

| | 2014 RM | 2013 RM |
|--------------------------|------------------|------------------|
| Geran diterima (Nota 22) | <u>3,050,000</u> | <u>2,750,000</u> |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**4. GERAN PEMBANGUNAN DILUNASKAN**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|------------------------------------|------------------|------------------|
| Projek Bazar Wakaf Rakyat - MAIKe | 798,937 | 105,493 |
| Projek Bazar Wakaf Rakyat - MAIWP | 156,889 | 810,997 |
| Projek Bazar Wakaf Rakyat - MAIKel | | 190,662 |
| Projek Bazar Wakaf Rakyat - MAIT | 157,691 | 330,821 |
| Projek Bazar Wakaf Rakyat - MAIPP | 117,374 | - |
| Lain-lain perbelanjaan | 707,155 | - |
| | 1,938,046 | 1,437,973 |

Pada tahun kewangan semasa, sejumlah 6 unit (2013: 31 unit) projek yang telah siap dan diwakafkan oleh pihak Yayasan. Di mana sejumlah 6 unit (2013: 29 unit) adalah projek bazar wakaf rakyat dan tiada untuk projek wakaf kiosk cenderahati (2013: 2 unit).

5. KUMPULAN WANG RIZAB DILUNASKAN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|--|----------------|----------------|
| Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (Nota 20) | 300,000 | 524,049 |

6. PENDAPATAN LAIN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---------------------------------|------------------|----------------|
| Keuntungan pelaburan diterima:- | 160,058 | 187,941 |
| - Keuntungan simpanan tetap | 124,388 | 148,638 |
| - Hibah | 35,670 | 39,303 |
| Jualan tender | 3,765 | 900 |
| Sewaan | 1,089,266 | 734,374 |
| | 1,253,089 | 923,215 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**7. LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI (SAMB.)**

- (a) Lebihan pendapatan sebelum cukai dinyatakan pada:-

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|------------------|----------------|
| <i>Selepas dicaj:-</i> | | |
| Elaun ahli lembaga | 19,598 | - |
| Ganjaran juruaudit | 12,500 | 10,500 |
| Kos kakitangan: | | |
| - upah dan gaji | 1,052,548 | 1,109,816 |
| - kos keselamatan sosial | 158,619 | 109,439 |
| - lain-lain kos kakitangan | 46,665 | 62,103 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 118,993 | 188,084 |
| Sewa bangunan | <u>1,096,200</u> | <u>773,419</u> |
| <i>Selepas dikreditkan:-</i> | | |
| Keuntungan pelaburan diterima | 160,058 | 187,941 |
| Sewaan | <u>1,089,266</u> | <u>734,374</u> |

- (b) Maklumat kakitangan

Jumlah bilangan kakitangan yang berkhidmat di dalam Yayasan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 21 orang (2013: 20 orang).

8. CUKAI

| | 2014 RM | 2013 RM |
|--|---------------|---------------|
| Perbelanjaan cukai ke atas keuntungan bagi tahun kewangan semasa:- | | |
| Cukai semasa (Nota 22) | <u>40,225</u> | <u>40,452</u> |

Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai yang ditetapkan di Malaysia iaitu 26% (2013 : 26%) berdasarkan anggaran taksiran keuntungan pada tahun tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**8. CUKAI**

Pelarasan bagi perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar efektif untuk Yayasan adalah seperti berikut:-

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|--------------------|-------------|
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | <u>124,539</u> | 411,112 |
| Cukai pada kadar berkanun Malaysia sebanyak 26% (2013 : 26%) | 32,380 | 106,889 |
| Penjimatan insentif cukai | (11,675) | (11,675) |
| Perbelanjaan yang tidak dibenarkan bagi tujuan cukai | 1,668,316 | 1,392,299 |
| Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai | <u>(1,648,796)</u> | (1,447,061) |
| | <u>40,225</u> | 40,452 |

Pihak Yayasan telah mendapat pengecualian cukai di bawah Seksyen 127(3A) dan Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas pendapatan statutori dari tempoh tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2018.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

| | Peralatan pejabat | Peralatan elektrik | Kenderaan bermotor | Komputer dan perakakasan | Perabot dan lengkap | Ubahsuai | Jumlah |
|--------------------------|-------------------|--------------------|--------------------|--------------------------|---------------------|---------------|----------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Nilai buku bersih | | | | | | | |
| Baki pada 1.1.2014 | 16,311 | 24,547 | 60,835 | 51,554 | 14,121 | 31,929 | 199,297 |
| Penambahan | 39,709 | - | - | - | - | - | 39,709 |
| Susutnilai | (6,662) | (9,394) | (36,500) | (24,042) | (10,483) | (31,912) | (118,993) |
| | 49,358 | 15,153 | 24,335 | 27,512 | 3,638 | 17 | 120,013 |
| Pada 31.12.2014 | | | | | | | |
| Kos | 95,081 | 46,970 | 284,301 | 168,279 | 122,076 | 525,725 | 1,242,432 |
| Susutnilai terkumpul | (45,723) | (31,817) | (259,966) | (140,767) | (118,438) | (525,708) | (1,122,419) |
| Nilai buku bersih | 49,358 | 15,153 | 24,335 | 27,512 | 3,638 | 17 | 120,013 |
| Pada 31.12.2013 | | | | | | | |
| Kos | 55,372 | 46,970 | 284,301 | 168,279 | 122,076 | 525,725 | 1,202,723 |
| Susutnilai terkumpul | (39,061) | (22,423) | (223,466) | (116,725) | (107,955) | (493,796) | (1,003,426) |
| Nilai buku bersih | 16,311 | 24,547 | 60,835 | 51,554 | 14,121 | 31,929 | 199,297 |

Dalam tahun kewangan semasa, Yayasan telah membeli hartanah, loji dan peralatan masing-masing dengan kos agregat RM39,709 (2013: RM3,640). Bayaran tunai sebanyak RM39,709 (2013: RM3,640) telah dibuat untuk pemilihan pembelian hartanah, loji dan peralatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**10. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|------------------------------------|----------------|------------|
| Saham tercatat pada kos - Malaysia | <u>300,000</u> | <u>2</u> |

Butir-butir mengenai syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:-

| Nama syarikat subsidiari | Peratusan pegangan ekuiti | | Aktiviti utama |
|----------------------------------|--------------------------------------|------|---|
| | 2014 | 2013 | |
| Perbadanan Wakaf Nasional Berhad | 100% | 100% | Mentadbir urus pusat latihan kemahiran dan pengeluaran produk halal berteraskan ekonomi dibawah kendalian Yayasan Waqaf Malaysia. |

* Penyata kewangan syarikat subsidiari iaitu Perbadanan Wakaf Nasional Berhad tidak dapat disatukan memandangkan penyata kewangan syarikat subsidiari tidak dapat disediakan disebabkan oleh beberapa perkara tertunggak. Walaubagaimanapun, ahli Lembaga Pemegang Amanah berpendapat penyatuan penyata kewangan dengan syarikat subsidiari adalah tidak material.

11. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Merupakan kerja-kerja projek binaan bazar wakaf rakyat, wakaf mart dan kiosk cenderahati.

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---------------------|--------------------|
| Kos projek terkumpul | 11,137,765 | 9,865,648 |
| Campur : Kos projek semasa | 1,993,578 | 1,272,117 |
| | 13,131,343 | 11,137,765 |
| <i>Tolak:</i> | | |
| Pembalikan kos projek yang telah siap | (11,130,673) | (9,692,700) |
| Kos dilunaskan dalam penyata pendapatan | (1,938,046) | (1,437,973) |
| | 62,624 | 7,092 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**12. PENGHUTANG DAGANGAN**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---------------------|---------------|---------------|
| Penghutang dagangan | <u>41,073</u> | <u>18,049</u> |

Tempoh kredit perdagangan biasa Yayasan adalah di antara 30 hingga 60 hari. Syarat kredit lain dinilai dan diluluskan berdasarkan kes demi kes. Yayasan tidak mempunyai risiko kredit yang ketara yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

13. AMAUN TERHUTANG DARIPADA SUBSIDIARI

Amaun terhutang daripada subsidiari tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada kadar bayaran balik ditetapkan.

14. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|----------------------------|------------|------------------|
| Bank Islam Malaysia Berhad | <u>-</u> | <u>4,215,769</u> |

Kadar keuntungan dan kematangan hari pelaburan deposit simpanan tetap adalah pada kadar 2.70% hingga 3.10% (2013: 2.70% dan 3.10%) dan 1 bulan hingga 1 tahun.

15. DANA TERIKAT

| | 2014 RM | 2013 RM |
|--------------------------------|----------------|----------------|
| Baki pada 1 Januari | 153,474 | - |
| Tambahan tahun kewangan semasa | <u>162,153</u> | <u>153,474</u> |
| Baki pada 31 Disember | <u>315,627</u> | <u>153,474</u> |

Yayasan telah menerima dana terikat dari operatur yang menguruskan hotel hakmilik Yayasan iaitu Hotel Pantai Puteri dan Hotel Grand Puteri sebanyak 2% dari hasil kasar bulanan operasi premis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**16. DANA WAKAF TUNAI DITERIMA**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|----------------------------------|--------------------|------------------|
| Baki pada 1 Januari | 1,587,010 | 1,111,276 |
| Tambah: Terimaan dari orang awam | 2,059,233 | 986,257 |
| Hibah | 3,921 | 2,395 |
| Tolak: Agihan kutipan | <u>(1,058,224)</u> | <u>(512,918)</u> |
| Baki pada 31 Disember | <u>2,591,940</u> | <u>1,587,010</u> |

17. DANA MANFAAT WAKAF YANG BELUM DIGUNAKAN

Dana manfaat terhasil daripada pulangan yang diperolehi daripada pembangunan yang telah dilaksanakan dan keuntungan pelaburan melalui penggunaan dana wakaf terkumpul. Dana manfaat ini boleh digunakan bagi tujuan pembangunan projek wakaf atau sumbangan amal jariah yang bersifat tidak kekal seperti biasiswa dan sebagainya. Jenis dana manfaat yang terhasil adalah seperti berikut:-

(a) Dana manfaat wakaf

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---------------|---------------|
| Baki pada 1 Januari | 36,014 | 19,813 |
| Tambah: Keuntungan pelaburan simpanan tetap | 17,634 | 16,201 |
| Baki pada 31 Disember | <u>53,648</u> | <u>36,014</u> |

(b) Tabung sewaan harta wakaf *

| | | |
|-------------------------------|------------------|----------------|
| Baki pada 1 Januari | 638,960 | 167,497 |
| Tambah: Pindahan hasil sewaan | 826,345 | 471,463 |
| Baki pada 31 Disember | <u>1,465,305</u> | <u>638,960</u> |

Jumlah besar**1,518,953****674,974**

* 50% hasil sewaan hotel setelah ditolak sewaan kepada Majlis Agama Islam Negeri dan kos obligasi YWM sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian sewaan hotel-hotel wakaf akan diklasifikasikan sebagai dana manfaat wakaf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**18. TABUNG PENYELENGGARAAN**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|-------------------------------|------------------|----------------|
| Baki pada 1 Januari | 638,960 | 167,497 |
| Tambah: Pindahan hasil sewaan | 826,345 | 471,463 |
| Baki pada 31 Disember | 1,465,305 | 638,960 |

50% hasil sewaan hotel setelah ditolak sewaan kepada Majlis Agama Islam Negeri dan kos obligasi YWM sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian sewaan hotel-hotel wakaf akan dimasukkan di dalam tabung penyelenggaraan.

19. PERUNTUKAN KAJIAN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|----------------------------------|----------------|----------------|
| Baki pada 1 Januari | 960,626 | 1,091,500 |
| Perlunasan ke penyata pendapatan | - | (130,874) |
| Baki pada 31 Disember | 960,626 | 960,626 |

Pada tahun kewangan 2012, Yayasan telah menerima peruntukan sebanyak RM1,091,500 daripada Kerajaan Malaysia bagi tujuan Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia.

Peruntukan ini tidak boleh digunakan bagi tujuan lain dan sekiranya kajian tidak dapat diteruskan, peruntukan ini hendaklah dipulangkan semula kepada Kerajaan Malaysia.

20. KUMPULAN WANG RIZAB

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---------------------------------------|------------------|------------------|
| Baki pada 1 Januari | 3,675,951 | 4,200,000 |
| Tolak: Kumpulan wang rizab dilunaskan | (300,000) | (524,049) |
| Baki pada 31 Disember | 3,375,951 | 3,675,951 |

Yayasan telah menerima peruntukan sebanyak RM4.5 juta pada tahun kewangan 2008 sebagai sumbangan modal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**21. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|--------------------------------------|--------------------|-------------|
| Baki pada 1 Januari | 14,850,593 | 11,288,566 |
| Tambah: Geran diterima | - | 5,000,000 |
| Tolak : Geran pembangunan dilunaskan | (1,938,046) | (1,437,973) |
| Baki pada 31 Disember | 12,912,547 | 14,850,593 |

22. KUMPULAN WANG MENGURUS

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|--------------------|-------------|
| Baki pada 1 Januari | 2,960,617 | 2,589,957 |
| Terimaan:- | | |
| - geran mengurus (Nota 3) | 3,050,000 | 2,750,000 |
| - pendapatan lain (Nota 6) | 1,253,089 | 923,215 |
| | 7,263,706 | 6,263,172 |
| Tolak: Penambahan modal berbayar dalam subsidiari | 300,000 | - |
| Perbelanjaan mengurus | (4,478,550) | (3,262,103) |
| Cukai (Nota 8) | (40,225) | (40,452) |
| Baki pada 31 Disember | 3,044,931 | 2,960,617 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**23. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI**

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|-------------------------|-------------------------|
| Tunai di bank:- | | |
| - AM Islamic Bank Berhad | 6,318 | 4,903 |
| - Bank Islam Malaysia Berhad | 1,903,596 | 719,229 |
| - Bank Islam Malaysia Berhad - CAPEX | 13,645,003 | 10,666,865 |
| - Bank Islam Malaysia Berhad - OPEX | 2,184,733 | 7,331,057 |
| - Bank Islam Malaysia Berhad - SF (Perak) | 994 | - |
| - Bank Islam Malaysia Berhad - SF (Terengganu) | 135,927 | - |
| - Hong Leong Islamic Berhad | 62,212 | 59,581 |
| - Kuwait Finance House | 5,338 | 5,338 |
| - Maybank Islamic Berhad | 811,264 | 289,722 |
| - Public Islamic Bank Berhad | 18,211 | 10,196 |
| - RHB Islamic Bank Berhad | 29,648 | 12,309 |
| - Bank Muamalat Malaysia Berhad (wang perjelas) | 186,708 | 130,495 |
| - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Hasil) | 3,317,467 | 1,962,946 |
| - Maybank Islamic Berhad (Pembangunan) | 5,024,738 | 973,766 |
| Tunai di tangan | 269 | 1,958 |
| Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen:- | | |
| - Bank Islam Malaysia Berhad | - | 4,215,769 |
| | <hr/> 27,332,426 | <hr/> 26,384,134 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**24. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN DAN OBJEKTIF SERTA POLISI RISIKO PENGURUSAN**

Dasar kewangan aset adalah sebarang aset iaitu tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau kewangan aset yang lain, hak kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan daripada organisasi lain di bawah keadaan di mana terdapat potensi yang menguntungkan atau sesuatu instrumen ekuiti daripada organisasi lain, sementara liabiliti kewangan adalah tanggungan mengikut obligasi kontrak untuk mengeluarkan tunai atau kewangan aset yang lain kepada organisasi lain atau menukar instrumen-instrumen kewangan dengan keadaan organisasi yang potensinya tidak menguntungkan.

Penggunaan instrumen kewangan mendedahkan Yayasan kepada risiko-risiko kewangan yang mana dikategorikan sebagai risiko kredit, risiko kecairan, risiko pengaliran tunai dan risiko kadar faedah.

Polisi pengurusan risiko kewangan Yayasan bertujuan untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi disediakan bagi pembangunan Yayasan sambil menguruskan risiko-risiko pengurusannya. Pengurusan risiko-risiko kewangan dilaksanakan melalui penyemakan-penyemakan risiko, sistem-sistem pengawalan dalaman dan mematuhi polisi-polisi pengurusan kewangan risiko Yayasan yang diluluskan oleh Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258).

Yayasan berpegang kepada dasar tidak terlibat dalam urusniaga berbentuk spekulatif, seperti dan bila Yayasan mengambil transaksi-transaksi yang mempunyai risiko-risiko terdedah yang besar, Yayasan menilai risiko terdedahnya dan pentingnya meminimumkan risiko terdedah itu diberi perhatian sewajarnya tentang kesediaan dan perbelanjaan instrumen-instrumen untuk meminimumkan risiko terdedah.

Polisi-polisi untuk mengawal risiko-risiko ini apabila bersesuaian dinyatakan seperti berikut:-

(a) Risiko matawang

Matawang yang berfungsi untuk aktiviti-aktiviti operasi Yayasan adalah Ringgit Malaysia. Kesemua transaksi-transaksi dibayar dalam bentuk matawang tempatan. Pendedahan kepada sebarang risiko-risiko yang muncul daripada pergerakan pertukaran mata wang asing adalah minimum.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan akibat daripada ketidakmampuan pihak-pihak yang mempunyai kontrak dengan pihak Yayasan. Pendedahan risiko utama Yayasan adalah terhadap risiko kredit iaitu pengutang perniagaannya.

Yayasan telah melaksanakan penilaian kredit berterusan terhadap kedudukan kewangan pelanggan mereka. Penilaian kredit telah dibuat terhadap akaun-akaun baru dan penyemakan berterusan keatas baki hutang tertunggak untuk mendapatkan semula hutang pada masanya.

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat dari perubahan pada kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif purata wajaran berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**24. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN DAN OBJEKTIF SERTA POLISI RISIKO PENGURUSAN (SAMB.)****(d) Risiko pasaran**

Risiko pasaran adalah risiko kerugian hasil dari perubahan nilai pasaran instrumen kewangan yang akan berubah disebabkan perubahan harga-harga pasaran.

Pendedahan utama risiko pasaran Yayasan adalah mata wang dan kadar faedah yang tidak stabil dan di mana dibincangkan di bawah tajuk utama risiko-risiko berkenaan.

(e) Risiko kecairan dan pengaliran tunai

Yayasan menguruskan secara aktif profil kematangan hutang, aliran wang tunai dari kegiatan kendalian dan terdapat kemudahan dana untuk memastikan kesemua kehendak unjuran pinjaman dan keperluan dana boleh ditunaikan. Sebahagian daripada objektif pengurusan risiko kecairan yang cermat, Yayasan memiliki jumlah pelaburan tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja.

25. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Pembentangan penyata kewangan telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah pada tarikh penyata kewangan ini.

**"SIAPAKAH ORANGNYA YANG MAHU
MEMBERIKAN PINJAMAN KEPADA ALLAH,
SEBAGAI PINJAMAN YANG BAIK (IKHLAS)
SUPAYA ALLAH MELIPAT-GANDAKAN
BALASANNYA? DAN (SELAIN ITU) IA AKAN
BEROLEH PAHALA YANG BESAR"**

SURAH AL-HADID
AYAT 11

**KERATAN
AKHBAR**



Lancar wakaf ekonomi Islam

DR Sudin (tengah) merasmikan Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri, semalam.

Johor Bahru Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) membangunkan wakaf ekonomi untuk manfaat orang ramai.

Ketua Pegawai Eksekutif YWM Profesor Datuk Dr Sudin Haron berkata, projek wakaf ekonomi itu sebagian usaha mengajak umat Islam membangunkan asejutik munitut agama.

Katanya, wakaf ekonomi mampu menarik orang ramai terhadap dalam projek pembangunan infrastruktur menerusi pembelian sijil saham daripada MAIJ.

"Buat masa ini, kami belum menentukan projek yang akan dilaksanakan kerana perlu mengadakan perhimpangan dan mendapat persetujuan terlebih dahuludaripada pihak terbabit.

"Namun, akan ada projek besar dilaksanakan lima tahun dari sekarang," katanya selepas merasmikan Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri di Dewan Pusat Perlindungan Wanita MAIJ, Taman Perlis di sini, semalam.

Seminar itu dibadri 200 peserta terdiri daripada kakitangan YWM, MAIJ dan jabatan kerajaan. Hadir sama Setiausaha MAIJ Mohd Noh Ibrahim.

Sementara itu, Sudin berkata pihaknya akan mengambil projek wakaf dialisis bagi membantu pesakit buah pinggang di negeri ini.

Katanya, 100 unit mesin dialisis diperlukan bagi tujuan itu dan pihaknya yakin keperluan itu dapat dipenuhi dalam dua tahun lagi.

"Projek ini dilaksanakan berikutan jumlah pesakit buah pinggang yang kian meningkat dan memerlukan rawatan dialisis. Kos rawatan bulanan pula dianggarkan berjumlah antara RM2,500 hingga RM3,000.

"Oleh itu, peralatan diwakafkan itu sekiranya kurangnya dapat menampung keperluan pesakit terutamanya yang kurang berkecimpuan," katanya.

Wakaf perkasa ekonomi umat Islam

JOHOR BAHRU - Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam di setiap negeri, bagi melaksanakan wakaf ekonomi bagi memperkasa dan meningkatkan sosio ekonomi umat Islam di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Profesor Datuk Dr Sudin Haron berkata, merentas wakaf ekonomi, orang ramai boleh mengurangkan diri dengan membiasai sesebuh projek ekonomi yang hendak dibangunkan.

Menurutnya, wakaf ekonomi adalah insitiut terbaharu bagi memperkasa umat berbanding wakaf agama dan sosial sebelum ini, seperti pembinaan masjid dan surau serta penyediaan mesin dialisis bagi keperluan golongan yang kurang berkemampuan.

"Sebagai contoh, Majlis Agama Islam negeri hendak memberi sebuah klung makan-

an bernilai RM1 juta, maka orang ramai akan berasid bagi tujuan pembayar dan keperluan modal kerja klung berkeran.

"Manfat merentasi wakaf ekonomi ini, orang ramai akan mendapat peluang pekerjaan dan u sekaliug dapat mensuport emelangan dan meningkatkan ekonomi umat Islam di negara ini," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran dan Seminar Pembudayaan Wakaf peringkat Johor di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Setiausaha Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Mohd Noh Ibrahim.

Sudin berkata, pembinaan bangunan rumah kedai di Nusajaya yang dilaksanakan oleh MAIJ adalah salah satu contoh terbaik pelaksanaan konsep wakaf ekonomi dan wajar dilikuti oleh negeri lain.



YWM bantu laksana wakaf ekonomi

Oleh AZIZI MAJID
ekonomi@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 18 NOV.

YAYASAN Wakaf Malaysia (YWM) akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi melaksanakan wakaf ekonomi bertujuan untuk memperkasa dan meningkatkan sosio ekonomi umat Islam di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof. Datuk Dr. Sudin Haron berkata, menerusi wakaf ekonomi, orang ramai boleh melibatkan diri dengan membayai sesebuah projek ekonomi yang ingin dibangunkan.

Beliau berkata, wakaf ekonomi merupakan inisiatif terbaru bagi memperkasa ekonomi ummah berbanding wakaf agama dan sosial sebelum ini seperti pembinaan masjid dan surau serta penyedi-



SUDIN HARON

MOHD. NOH IBRAHIM

aan mesin dialisis bagi golongan kurang berkemampuan.

"Sebagai contoh, majlis agama Islam negeri hendak membina sebuah kilang makanan bernilai RM1 juta, maka orang ramai akan berwakaf bagi tujuan pembinaan dan keperluan modal kerja kilang berkenaan.

"Manfaat menerusi wakaf ekonomi ini, orang ramai akan mendapat peluang pekerjaan,

sekali gus dapat membangun dan meningkatkan ekonomi umat Islam di negara ini," katanya pada Seminar Pembudayaan Wakaf Peringkat Negeri Johor, di sini hari ini.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Mohd. Noh Ibrahim.

Sudin berkata, pembinaan rumah kedai di Nusajaya yang dilaksanakan oleh MAINJ merupakan salah satu contoh terbaik pelaksanaan konsep wakaf ekonomi dan wajar diikuti oleh negeri-negeri lain.

Pihaknya sehubungan itu berharap supaya wakaf ekonomi mendapat sambutan daripada orang ramai yang ingin berwakaf kerana ia nyata memberi manfaat besar khususnya terhadap pembangunan ekonomi umat Islam di negara ini.

Projek berimpak tinggi dalam program wakaf

Johor Bahru: Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan semua majlis agama Islam negeri akan mempelbagaikan lagi program wakaf dengan turut membabitkan projek berimpak tinggi dalam bidang perhotelan, perladangan dan pengilangan dalam usaha meningkatkan lagi ekonomi umat Islam.

Projek usaha sama itu bakal dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang, sekali gus mempelbagaikan lagi program wakaf yang tidak hanya terhad kepada tanah wakaf atau al-Quran.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Prof Dr. Sudin Haron, berkata projek pembangunan itu akan dibiayai oleh orang ramai menerusi konsep wakaf bagi manfaat umat Islam.

Beri bantuan terus

Katanya, wakaf dalam bentuk ekonomi sudah lama dilaksanakan di negara ini seperti pembangunan hotel yang memperoleh dana daripada kerajaan dan dibangunkan di tanah milik majlis agama Islam negeri atau tanah wakaf.

"Kebanyakan wakaf sedia ada hanya terumpu kepada pembinaan masjid dan surau atau dalam bentuk sosial seperti penyediaan pusat dialisis. Wakaf ekonomi ini ia memberi bantuan terus kepada umat Islam seperti mana yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) menerusi wakaf pembelian rumah kedai yang ingin kita lembangkan," katanya.



عملن وقف تىعكتكىن ايكونومى اومنت !سلام



Wakaf tunai menjana pemilikan aset umat Islam

KUALA LUMPUR 11 Mei - Amalan wakaf tunai dilihat sebagai satu alternatif yang berupaya meningkatkan pemilikan dan menjaga aset-aset bernilai tinggi untuk kepentingan umat Islam di negara ini.

Naib Pengerusi Yaysasan Waqaf Malaysia (YWM); Datuk Anan C. Mohd. berkata, melalui pengumpulan wakaf secara tunai, pihak berwajib boleh menggunakanannya untuk pembelian aset kekal seperti harta tanah dan seterusnya dibangunkan menjadi prasarana seperti kediaman mahupun ruang niaga khususnya untuk kegunaan perusahaan-perusahaan kecil buimaputra.

Katanya, harga harta tanah ketika ini terlalu mahal mampu menyebabkan umat Islam tersisih di dalam arus pembangunan moden dan kesukaran memiliki harta, justeru kaedah secara wakaf tunai boleh dijadikan satu cara untuk menyelesaikan masalah itu.

"Wakaf secara tunai yang terkumpul ini membolehkan YWM, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



ANAN C. MOHD.

(Jawhar) dan majlis agama Islam pelbagai negeri membangunkan projek-projek berimpak besar. Projek itu sama ada memberi kemudahan kepada orang ramai, menjana pendanaan semua serta pemilikan aset oleh orang Islam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

YWM merupakan unit di bawah Jawhar, Jabatan Perdana Menteri, yang ditubuhkan bagi mempromosi aktiviti wakaf di negara ini.

Anan berkata, kaedah wakaf tunai masih lagi baru dan kurang disedari oleh orang ramai, dan sebenarnya lebih mudahkan semua orang untuk berwakaf berbanding wakaf harta, yang mana tidak semua orang memiliki harta seperti harta tanah.

"Kini pelbagai kemudahan telah diwujudkan bagi membolehkan orang ramai berwakaf seperti potongan gaji, mesin deposit tunai pelbagai perbankan atau menerusi kaunter Wakaf Tunai Malaysia di Pejabat YWM. Mereka boleh ber-

wakaf serendah RM1," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, kaedah berwakaf secara tunai kurang meluas dengan ketika ini hanya 3,000 pewakaf persendirian yang direkodkan manakala yang terdiri daripada sektor korporat masih kurang mendapat sambutan.

"Kaedah wakaf secara tunai mampu menyediakan dana bagi membeli atau membangunkan aset-aset di kawasan-kawasan tumpuan. Misalnya, dana yang diperolehi itu boleh diguna bagi mengambil alih syarikat-syarikat perniagaan bagi menjaga kepentingan orang ramai," kata Anan lagi.

Beliau mengambil contoh, kaedah wakaf berjaya menempatkan Menara Bank Islam yang terletak di Jalan Perak, iaitu aset yang terletak di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur berhampiran Menara KLCC.

Dengan kos pembinaan sebanyak RM151 juta, Menara Bank Islam didirikan di atas tanah wakaf seluas 0.48 hektar milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji (LTH). Bank Islam Malaysia Bhd. adalah penyewa utama bangunan setinggi 34 tingkat itu.



YAYASAN WAQAF MALAYSIA

No. 13, Jalan Diplomatik 2/2,
Presint Diplomatik Putrajaya,
62050 Putrajaya.



[603] 8890 4071/72/73



[603] 8890 1010/2091



www.ywm.gov.my



info@ywm.gov.my



Yayasan Waqaf Malaysia